

Nasihat pada parti² komponen BN

DR. M: GUNA DEMOKRASI CARA BETUL

Oleh
Sidek Salleh

MM 11 SEP 1983

KUCING 10 Sept. - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menasihatkan parti-parti komponen Barisan Nasional supaya mengamalkan sistem demokrasi dengan cara betul untuk mengekalkan perpaduan dan kestabilan negara.

Perdana Menteri menegaskan, sistem demokrasi juga perlu dilaksanakan dengan cara yang betul supaya kemungkinan wujudnya pemerintahan diktator pada masa depan dapat dielakkan.

Katanya, kebanyakan negara demokratik yang jatuh ke tangan pemerintahan diktator ialah kerana rakyat negara berkenaan tidak tahu menggunakan demokrasi dengan sempurna.

Berucap merasmikan perhimpunan agung Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) di bangunan De-

"Maka satu demi satu kerajaan naik dan turun sehingga pembangunan ekonomi dan negara sudah terjejas, maka tidak dapat tidak pihak berkuasa angkatan tentera telah merebut kuasa untuk menentukan supaya walaupun demokrasi tidak akan wujud, tapi kestabilan akan wujud semula", tegas beliau.

Turut hadir dalam perhimpunan itu ialah Ketua Menteri merangkap Presiden PBB, Datuk Patinggi Amar Taib Mahmud, isteri Perdana Menteri, Datuk Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali dan wakil-wakil dari komponen Barisan Nasional.

Datuk Sri Dr. Mahathir menarik perhatian bahawa dalam keadaan sebuah negara yang kucar-kacir sudah tentu wujud pemerintahan yang tidak demokratik, tetapi malangnya sistem tersebut amat merbahaya sekali.

Katanya: "Ini kerana kalau mereka yang memerintah menyeleweng, maka tidak ada kuasa penyelewengan ini dapat ditamatkan.

"Sebaliknya dalam sistem demokrasi dan kita mengadakan pilihanraya lima tahun sekali, kalau dalam masa lima tahun tidak memerintah dengan cara baik, dengan cara adil, cara beramanah, maka kita berhak menggunakan undi untuk memilih kerajaan yang baru dan baik".

wan Undangan Negeri di sini, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata:

"Beberapa buah negara yang telah merdeka, termasuk yang lebih awal dari Malaysia, mengamalkan sistem demokrasi pada mulanya, tetapi akhirnya menjadi kucar-kacir dan pembangunan tidak tercapai dan jatuh ke tangan diktator atau feodal.

"Biasanya kuasa tersebut dipegang oleh pegawai-pegawai tentera yang pada mulanya tidak ada niat untuk memerintah", tambahnya di depan lebih 5,000 orang termasuk perwakilan PBB.

Tapi oleh kerana rakyat tidak dapat menggunakan demokrasi dengan cara baik dan berkesan beliau berkata lagi dan banyak pertelingkahan di antara satu sama lain atau antara kumpulan rakyat berlaku maka pentadbiran negara tidak berjalan dengan sempurna.

Menurutnya, dalam sistem feodal atau kediktatoran sudah tentu apa yang diharapkan (wujud pemerintahan baru yang dikehendaki) tidak akan dapat dan berlaku.

"Itulah sebabnya kita hendak menjelaskan bagaimana harus kita menggunakan demokrasi supaya ianya akan mendatangkan kestabilan dalam negara kita", tegas beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, Malaysia memilih sistem demokrasi supaya semua rakyat melalui parti-parti yang didorong oleh mereka memainkan peranan di dalam pentadbiran negara.

"Sebab itu di Malaysia sejak awal sebelum wujudnya Malaysia, sistem kerajaan campuran telah diterima", katanya.

Bagaimanapun, apabila Malaysia wujud, kerajaan campuran itu diperluaskan supaya rakyat di Sarawak dan Sa-

bah juga turut sama dapat memainkan peranan mereka dalam pentadbiran negara.

Beliau menarik perhatian, kerajaan campuran ada bermacam-macam corak dan setengah-setengahnya wujud selepas pilihanraya.

Sebaliknya di Malaysia kerajaan campuran yang diwujudkan oleh parti-parti berlaku sebelum pilihanraya lagi untuk bergabung mewujudkan satu kumpulan di mana sekarang dikenali Barisan Nasional.

"Dengan cara ini dapatlah kita menentukan kemenangan Barisan Nasional di semua tempat, negeri dan pusat dan inilah cara kita membahagi-bahagikan kuasa dengan tidak membelakangkan sistem demokrasi", tegas beliau.

Menurut Perdana Menteri, demokrasi yang diamalkan di negara ini agak lebih kompleks berbanding dengan negara-negara lain.